

Tiga termasuk seorang wanita edar dadah ditahan

19 September 2019

## Tiga termasuk seorang wanita edar dadah ditahan

**KUALA LUMPUR 18 Sept.** - Polis merampas pelbagai jenis dadah dianggarkan bernilai RM214,030 selepas menahan tiga individu termasuk seorang wanita yang disyaki terlibat dengan kegiatan pengedaran dadah di sekitar ibu negara pada 12 September lalu.

Kesemua mereka ditahan dalam dua serbuan dilakukan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat

Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur pada pukul 8.15 malam.

Dalam serbuan pertama di sebuah rumah di Taman Desa Petaling, di sini polis telah menahan seorang lelaki berusia 21 tahun dan merampas serbuk ekstasi seberat 1.5 kilogram (kg), ketamin (52.31 gram), pil erimin 5 (15 biji) dan pil ekstasi (26 biji).

Soal siasat terhadap suspek

kemudian telah membawa kepada serbuan kedua di sebuah apartmen di Jalan Kuchai Lama, di sini kira-kira pukul 9.15 malam.

Menerusi serbuan itu, polis telah menahan seorang lelaki berusia 38 tahun dan seorang wanita berusia 34 tahun.

Polis turut merampas dadah disyaki serbuk ekstasi (380.55 gram), rokok ganja (69 batang), pil ekstasi (498 biji)

dan ketamin (52.13 gram).

Turut dirampas ialah wang tunai RM573, mata wang China 600 yuan (RM353), seutas jam tangan serta dua buah kereta jenis Honda CRZ dan Naza.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Adnan Azizon berkata, ujian saringan air kencing mendapati kesemua suspek positif dadah.